

18/12/1998

Kelab Senator sokong kepimpinan PM

KELAB Senator menyokong kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan menandatangani kad 'Cinta Negara' di lobi Dewan Negara, semalam.

Kad itu adalah antara 70,000 yang dikumpul dari seluruh negara dalam kempen selama dua bulan, yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk diserahkan kepada Dr Mahathir di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Sabtu ini.

Menurut Timbalan Presiden Kelab Senator, Datuk Zuki Kamaluddin, tandatangan itu adalah untuk membuktikan semua ahli Dewan Negara menyokong kepimpinan Perdana Menteri.

"Tandatangan ini juga sebagai bukti rakyat dan penyokong kerajaan mahu Perdana Menteri terus memimpin negara dan kami mendoakan semoga usianya dilanjutkan," katanya pada majlis menandatangani kad itu.

Dalam kad yang ditandatangani itu tertulis - Perjuanganmu Kerana Kami. Teruskan Perjuangan Murni. Kami Tetap Bersamamu. YAB Datuk Seri Dr Mahathir Kami Tetap Bersamamu.

Sementara itu, Annuar berkata, kementeriannya berjaya mengumpul lebih 70,000 kad membabitkan 1.4 juta tandatangan untuk diserahkan kepada Perdana Menteri, sebagai sokongan rakyat di luar bandar kepada pemimpin negara.

Menurutnya, majlis penyerahan itu akan dihadiri kira-kira 7,000 orang untuk menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri.

(END)